



## SOALAN LAZIM (FAQ) SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) 2023

### **SEMAKAN STATUS STR 2023**

#### **A. Kaedah Semakan Status Permohonan STR**

##### **1. S: Bagaimanakah saya boleh memyemak status permohonan STR?**

J: Semakan status permohonan STR boleh dibuat melalui:

- i. Portal Rasmi Sumbangan Tunai Rahmah LHDNM, <https://bantuantunai.hasil.gov.my> dengan memilih menu Log Masuk MySTR>Semakan Status; atau
- ii. Aplikasi Semakan Sumbangan Tunai Rahmah dengan memuat turun di Play Store / App Store pada telefon bimbit; atau
- iii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang); atau
- iv. Hubungi MOF: 03-8882 4565 / 4566 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang); atau
- v. Hadir ke LHDNM yang berhampiran

##### **2. S: Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status permohonan STR melalui Portal Rasmi STR (<https://bantuantunai.hasil.gov.my>)?**

J: Semakan boleh dibuat seperti berikut:

- i. Klik log masuk MySTR
- ii. Masukkan Nombor MyKad Pemohon
- iii. Pengesahan Kata Kunci Keselamatan
- iv. Masukkan Kata Laluan
- v. Klik Semakan Status
- vi. Maklumat yang akan dipaparkan:
  - a. Status permohonan
  - b. Maklumat Pembayaran (Jika Ada)

**B. Semakan Status Permohonan STR**

**3. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status Lulus?**

J: **Status Lulus** adalah merujuk kepada permohonan STR yang menepati syarat kelayakan selepas proses semakan verifikasi dilakukan.

**4. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status Tidak Lulus?**

J: **Status Tidak Lulus** adalah merujuk kepada permohonan STR yang tidak menepati syarat kelayakan selepas proses semakan verifikasi dilakukan.

**5. S: Permohonan STR saya berstatus TIDAK LULUS. Bilakah tempoh untuk Permohonan Rayuan STR?**

Permohonan Rayuan STR 2023 boleh dibuat dalam tempoh sebulan mulai 03 Julai 2023 - 31 Julai 2023 (tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa).

**6. S: Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya permohonan STR saya berstatus Tidak Lulus?**

J: Bagi permohonan yang Tidak Lulus, pemohon boleh merujuk Soalan Lazim (FAQ) Rayuan STR 2023 untuk mengenal pasti Kod Alasan Tidak Lulus dan dokumen sokongan yang diperlukan semasa membuat Permohonan Rayuan STR.

**7. S: Saya membuat semakan pada Menu Semakan Status Permohonan dan paparan Status Permohonan adalah Tidak layak. Apakah yang dimaksudkan dengan Tidak Layak?**

J: Sila hubungi pejabat LHDNM berdekatan untuk mengetahui maklumat lanjut berkenaan Status Tidak Layak tersebut.